

Dua lagi IPT Britain ke Iskandar Malaysia

Berita Harian 29/06/2010 M/S 43

Universiti Reading, Universiti Southampton buka cawangan

Oleh Kamarulzaidi Kamis
kamarulzaidi@bharian.com.my

ISKANDAR Malaysia terus mengukuhkan kedudukannya menjadi pusat pendidikan tinggi bersepadu dunia apabila dua lagi universiti terkemuka dari United Kingdom iaitu Universiti Reading dan Universiti Southampton akan membuka cawangan di wilayah itu menjelang 2012.

Dua universiti itu sudah menghantar permohonan kepada Kementerian Pengajian Tinggi bagi mendapat kebenaran untuk menawarkan program pengajian di negara ini.

Presiden dan Ketua Eksekutif IIB, Arlida Ariff yang mengesahkan perkara itu berkata, perjanjian kerjasama antara pihaknya dengan kedua-dua universiti itu dijangka dapat dimuktamadkan menjelang hujung tahun ini.

"Universiti Reading dan Southampton sudah menghantar permohonan kepada kerajaan baru-baru ini untuk memulakan operasi di EduCity, Iskandar Malaysia.

"Universiti Southampton



“Konsep perjanjian operasi itu adalah sama dengan perjanjian yang sudah dimeterai dengan beberapa universiti lain sebelum ini iaitu IIB akan membina kampus dan menyewakan kepada universiti berkenaan”

Arlida Ariff
Presiden dan Ketua Eksekutif IIB

akan menawarkan pengajian dalam jurusan kejuruteraan, manakala Reading jurusan perniagaan dan sains binaan, dan perjanjian kerjasama operasi dengan IIB dijangka dapat dimuktamadkan sebelum akhir tahun ini,” katanya kepada *Berita Harian* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Arlida berkata, konsep perjanjian operasi itu adalah sama dengan perjanjian yang sudah dimeterai dengan beberapa universiti lain sebelum ini iaitu IIB akan membina kampus dan menyewakan kepada universiti berkenaan.

Semalam, Education@Iskandar Sdn Bhd (EISB), anak syarikat IIB memeterai perjanjian dengan Management Development Institute of Singapore (MDIS) bagi pembinaan kampus cawangan MDIS di Educity yang dijangka beroperasi menjelang 2013.

Ia akan menawarkan kursus dalam pengurusan perniagaan, komunikasi massa, teknologi maklumat dan media digital serta pelancongan.

Pada November 2008, Uni-

versiti Newcastle mengemukakan penubuhan kampus cawangan pertama luar negaranya yang membabitkan pengajian perubatan di EduCity.

Cawangan yang akan dikenali sebagai Newcastle University Medicine Malaysia (NUMed) itu dijangka akan memulakan operasi pada tahun depan.

Raffles Education Corporation Ltd, kumpulan pendidikan swasta terbesar Asia Pasifik pula pada Mac lalu mengumumkan melabur kira-kira RM200 juta bagi membina kampus pengajian dan universiti di wilayah berkenaan.

Sementara itu, pada bulan lalu, dua institusi pelayaran terkemuka Belanda, iaitu Institut Maritim De Ruyter dan Institut Maritim Willem Barentsz mengemukakan penubuhan Universiti Maritim Netherland yang akan beroperasi pada 2012.

Arlida berkata, pada dasarnya, Iskandar Malaysia dirancang untuk memiliki lapangan universiti selaras dengan enam kluster pembangunan wilayah itu dalam pelan induknya.